



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 16 JANUARI 2021

STATUS TERKINI KES DISAHKAN COVID-19 YANG TELAH PULIH

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa pada hari ini bilangan kes sembuh COVID-19 adalah sebanyak **2,148 kes**. Ini menjadikan jumlah kumulatif kes sembuh sepenuhnya daripada COVID-19 adalah sebanyak **117,375 kes** (75.7 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

STATUS TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA

Pada hari ini, 16 Januari 2021, negara kita sekali lagi melaporkan kes harian tertinggi iaitu sebanyak 4,029 kes. Ini menjadikan jumlah kes positif COVID-19 di Malaysia sebanyak **155,095 kes**. Ini menjadikan **jumlah kes aktif dengan kebolehjangkitan COVID-19 pula adalah 37,126 kes**. Daripada jumlah kes baharu berkenaan, terdapat lapan (8) kes

import yang mendapat jangkitan dari luar negara, manakala penularan COVID-19 dalam negara pula adalah sebanyak 4,021 kes. Bagi kes penularan di dalam negara, 2,711 kes adalah warganegara Malaysia manakala 1,310 kes adalah bukan warganegara.

Selangor melaporkan kes harian baharu tertinggi sepanjang minggu ini iaitu sebanyak **1,466 kes (36.4 peratus)**. Daripada jumlah ini, sebanyak **1,161 kes (79.2 peratus)** adalah daripada kluster-kluster dan saringan kontak rapat COVID-19 yang aktif dijalankan di lapangan. Ini diikuti oleh Johor sebanyak **719 kes (17.8 peratus)** dan Sabah sebanyak **449 kes (11.1 peratus)**.

Sebanyak **110 kes (2.7 peratus)** yang dilaporkan pula adalah berkaitan kluster-kluster di lokap, depot tahanan imigresen, dan penjara yang membabitkan Kluster Penjara Jalan Harapan (40 kes), Kluster Tembok Nanas (39 kes), Kluster Tembok Gajah (15 kes), Kluster Damai Pelangi (9 kes), Kluster Pagar Siput (4 kes), Kluster Tembok Kemus (2 kes), dan Kluster Pagar Bentong (1 kes).

Perincian penuh jumlah kes mengikut negeri adalah seperti di **Lampiran 1 dan 2** yang disertakan bersama kenyataan media ini.

Sehingga kini, terdapat **205 kes** positif COVID-19 yang sedang dirawat di **Unit Rawatan Rapi (ICU)**, di mana **79 kes** memerlukan bantuan pernafasan.

Dukacita dimaklumkan terdapat pertambahan **lapan (8) kes** kematian COVID-19 pada hari ini, menjadikan jumlah kumulatif kes kematian COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **594 kes (0.38 peratus daripada jumlah keseluruhan kes)**.

Ringkasan kes kematian hari ini adalah seperti berikut:

No. Kematian	No. Kes	Negeri	Jantina (Warganegara)	Umur (tahun)	Hospital	Latar Belakang
587	104077	Sabah	Lelaki (WN)	70	Hospital Queen Elizabeth, Kota Kinabalu	Penyakit kencing manis, darah tinggi, dan jantung
588	126612	Selangor	Lelaki (WN)	59	Hospital Sungai Buloh	Penyakit kencing manis
589	141045	Perak	Lelaki (WN)	78	Hospital Raja Permaisuri Bainun, Ipoh	Penyakit kencing manis, darah tinggi, dislipidemia, dan masalah pendengaran
590	142964	WP Kuala Lumpur	Lelaki (WN)	72	Hospital Sungai Buloh	Penyakit paru-paru kronik obstruktif (COAD)

591	144035	Pahang	Lelaki (WN)	40	Hospital Bentong	Penyakit kencing manis
592	145939	Sabah	Lelaki (WN)	62	Jenazah dibawa ke Hospital Lahad Datu	-
593	117659	Sabah	Perempuan (BWN)	45	Hospital Lahad Datu	Penyakit jantung
594	149197	Sabah	Perempuan (BWN)	61	Hospital Lahad Datu	Penyakit kencing manis dan darah tinggi

*WN merujuk kepada warganegara dan BWN merujuk kepada bukan warganegara.

KKM mengucapkan takziah kepada semua ahli keluarga mereka.

MAKLUMAT TERKINI BERKAITAN KLUSTER-KLUSTER

Sehingga 16 Januari 2021, terdapat sebanyak **641 kluster** telah dilaporkan termasuk **enam (6) kluster baharu** pada hari ini. Jumlah kluster yang telah tamat pula adalah sebanyak **356 kluster**, termasuk lima (5) kluster yang tamat pada hari ini iaitu Kluster Impian, Kluster Utama Rini, Kluster Kuala, Kluster Malawati, dan Kluster Tapak Bina Bulatan. Ini menjadikan jumlah kluster aktif yang dipantau adalah sebanyak **285 kluster**. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **71 kluster** melaporkan pertambahan kes pada hari ini. Kluster-kluster yang melaporkan pertambahan kes baharu tertinggi adalah **Kluster Sungai Putus**

(336 kes), Kluster Bukit Pasir (189 kes), dan Kluster Senai Cyber (111 kes).

KLUSTER BAHARU

KKM juga ingin memaklumkan terdapat **enam (6) kluster baharu** yang telah dikenal pasti pada hari ini iaitu:

1. KLUSTER SENAI CYBER

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Kulai di Johor. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-140377) telah dilaporkan positif COVID-19 pada 12 Januari 2021 hasil saringan individu bergejala. Saringan bersasar yang dijalankan di beberapa buah kilang seterusnya mendapati seramai 113 lagi individu dikesan positif COVID-19. Nama kluster merujuk kepada lokaliti beberapa buah kilang di mana penularan berlaku iaitu di Jalan Cyber 2, Senai Industrial Estate 3, Senai, Johor. Sehingga 16 Januari 2021, sejumlah 198 individu telah disaring, di mana **114 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

2. KLUSTER TEMBOK NANAS

Kluster pusat tahanan ini melibatkan daerah Pontian di Johor. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-135241) merupakan

seorang tahanan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) yang telah dilaporkan positif COVID-19 pada 10 Januari 2021 hasil saringan sebelum dihantar pulang ke negara asal. Saringan bersasar yang dijalankan seterusnya mendapati seramai 40 lagi PATI dikesan positif COVID-19. Nama kluster merujuk kepada tempat di mana penularan berlaku iaitu di Depot Tahanan Imigresen Pekan Nanas yang terletak di Taman Emas, Pekan Nanas, Johor. Sehingga 16 Januari 2021, sejumlah 252 individu telah disaring, di mana **41 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

3. KLUSTER JALAN SEMBRONG

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Kluang di Johor. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-116746) telah dilaporkan positif COVID-19 pada 2 Januari 2021 hasil saringan kontak rapat. Saringan yang dijalankan di tempat kerja kes indeks seterusnya mendapati seramai 17 lagi individu dikesan positif COVID-19. Nama kluster merujuk kepada lokaliti asrama tempat tinggal kes-kes yang dilaporkan berlaku iaitu di Jalan Sembrong 3, Taman Perindustrian Sembrong, Kluang, Johor. Sehingga 16 Januari 2021, sejumlah 52 individu telah disaring, di mana **18 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

4. KLUSTER JALAN PERMATA

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Seremban di Negeri Sembilan. Kes indeks bagi kluster (iaitu kes ke-127012) ini telah dilaporkan positif COVID-19 pada 7 Januari 2021 hasil saringan individu bergejala. Saringan yang dijalankan ke atas kontak rapat seterusnya mendapati seramai 60 lagi individu dikesan positif COVID-19. Nama kluster merujuk kepada lokaliti tempat kerja kebanyakan kes-kes yang dilaporkan berlaku iaitu di Jalan Permata 1/3, Arab Malaysian Industrial Park, Nilai. Sehingga 16 Januari 2021, sejumlah 414 individu telah disaring, di mana **61 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

5. KLUSTER TAMAN JUTA

Kluster ini melibatkan daerah Hilir Perak di Perak. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-133242) telah dilaporkan positif COVID-19 pada 9 Januari 2021 hasil saringan individu bergejala. Nama kluster merujuk kepada lokaliti di mana kes-kes dalam kluster ini dilaporkan berlaku iaitu di Taman Juta Intan, Perak. Sehingga 16 Januari 2021, sejumlah 48 individu telah disaring, di mana **14 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

6. KLUSTER KAMPUNG LEBU

Kluster berkaitan kenduri perkahwinan dan tahlil ini melibatkan daerah Bentong dan Kuantan di Pahang. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-122732) telah dilaporkan positif COVID-19 pada 5 Januari 2021 hasil saringan kontak rapat. Saringan yang telah dijalankan ke atas kontak rapat terutama ahli keluarga dan tetamu majlis seterusnya mendapati seramai 20 lagi individu dikesan positif COVID-19. Nama kluster merujuk kepada lokaliti majlis tersebut berlangsung iaitu di Kampung Lebu, Bentong. Sehingga 16 Januari 2021, sejumlah 80 individu telah disaring, di mana **21 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

KKM ingin menasihati orang ramai agar terus patuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan iaitu;

- **Elakkan 3S:** (elakkan kawasan yang **sesak, sempit** dan **sempang** dengan jarak yang dekat).
- **Amalkan 3W:** (Amalkan **Wash, Wear** dan **Warn**)

Patuhlah kepada **S.O.P** sebagai normal baharu. KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada

pihak WHO. Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya adalah dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

16 Januari 2021 @ 6.00 petang.

LAMPIRAN 1

**BILANGAN KES COVID-19
MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA
(SEHINGGA 16 JANUARI 2021, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

NEGERI	BILANGAN KES BAHARU *()	BILANGAN KES KUMULATIF
SELANGOR	1,466	45,519
SABAH	449	43,251
WP KUALA LUMPUR	347 (7)	17,793
JOHOR	719	13,010
NEGERI SEMBILAN	214	9,753
PULAU PINANG	120	6,027
PERAK	54	4,260
KEDAH	195	4,173
PAHANG	65	2,142
SARAWAK	69 (1)	2,049
MELAKA	44	1,900
WP LABUAN	17	1,881
KELANTAN	141	1,869
TERENGGANU	80	833
WP PUTRAJAYA	35	550
PERLIS	14	85
JUMLAH KESELURUHAN	4,029 (8)	155,095

*() adalah merujuk kepada kes-kes import

Perincian 4,029 kes positif COVID-19 baharu yang dilaporkan di Malaysia pada 16 Januari 2021 adalah seperti berikut:

- **Selangor: 1,466 kes**

- 486 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
- 675 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- 305 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Johor: 719 kes**

- 511 kes daripada kluster-kluster, termasuk 163 kes daripada kluster-kluster baharu iaitu **Kluster Jalan Sembrong, Kluster Tembok Nanas, dan Kluster Senai Cyber**;
- 143 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- 65 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Sabah: 449 kes**

- Lapan (8) kes daripada kluster-kluster sedia ada;
- 335 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan

- 106 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur: 347 kes**
 - 94 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - 129 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19;
 - Tujuh (7) kes import dari luar negara; dan
 - 117 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Negeri Sembilan: 214 kes**
 - 91 kes daripada kluster-kluster, termasuk 50 kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Jalan Permata**;
 - 74 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 49 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Kedah: 195 kes**
 - 19 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - 62 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 114 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Kelantan: 141 kes**
 - 45 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - 63 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 33 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Pulau Pinang: 120 kes**
 - 36 kes daripada daripada kluster-kluster sedia ada;
 - 46 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 38 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Terengganu: 80 kes**
 - 35 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - 22 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 23 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Sarawak: 69 kes**
 - 50 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - Satu (1) kes import dari luar negara; dan
 - 18 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Pahang: 65 kes**
 - Sembilan (9) kes daripada kluster-kluster, termasuk lapan (8) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Kampung Lebu**;
 - 41 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 15 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Perak: 54 kes**
 - 11 kes daripada kluster-kluster, termasuk satu (1) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Taman Juta**;
 - 30 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 13 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Melaka: 44 kes**
 - Empat (4) kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - 36 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Empat (4) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Wilayah Persekutuan Putrajaya: 35 kes**
 - Tiga (3) kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - 19 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan

- 13 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Wilayah Persekutuan Labuan: 17 kes**
 - 12 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Lima (5) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Perlis : 14 kes** daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19.